

TARIKH : 17 MAC 2021  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 3

Laporan Bank Dunia

## 6 bidang utama capai negara berpendapatan tinggi 2024

Bank Dunia gesa lakukan pembaharuan dasar pacu ekonomi negara

Oleh Mohd Zaky Zainuddin  
zaky@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Malaysia dijangka beralih kepada ekonomi berpendapatan tinggi seawal 2024, disokong trajektori pembangunan transformasi ekonomi yang dilaksanakan sejak beberapa dekad lalu.

Naib Presiden Serantau Kumpulan Bank Dunia, Victoria Kwakwa, berkata Malaysia harus bersiap sedia untuk peralihan kepada ekonomi berpendapatan tinggi bagi memastikan ia tidak ketinggalan berbanding negara maju dan berpendapatan tinggi lain.

"Bank Dunia melihat enam bidang utama memerlukan pembaharuan bagi memastikan peralihan itu berjaya. Pertama, Malaysia perlu menghidupkan semula pemacu pertumbuhan jangka panjang dengan melabur lebih banyak dalam modal insan dan meningkatkan kadar penyertaan

tenaga kerja wanita.

"Kedua, dalam landskap yang semakin kompetitif, Malaysia perlu mengandakan reformasi bagi meningkatkan daya saing dan produktiviti sektor swasta dalam semua sektor ekonomi," katanya berucap pada majlis pelancaran Laporan Bank Dunia: *Aiming High-Navigating the Next Stage of Malaysia's Development* secara maya, semalam.

Laporan itu dilancarkan oleh Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz. Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Mengulas lanjut, Kwakwa berkata, bidang utama lain perlu diberikan tumpuan adalah pelaburan dalam meningkatkan modal insan berteknologi bermula pada pendidikan awal sekolah, selain melabur dalam program kemahiran semula bagi menjana pekerjaan berkualiti tinggi pada masa depan.

Keempat, Malaysia perlu meneliti lebih lanjut bagaimana kualiti institusi dan perkhidmatan sektor awam dapat ditingkatkan sejajar jangkaan perkembangan golongan kelas menengah dan kelima, wujud keperluan jelas untuk memacu pertumbuhan inklusif menerusi kontrak sosial dengan mening-



Victoria Kwakwa

katkan kesamarataan peluang dan meritokrasi dalam pendidikan, pekerjaan dan perniagaan.

"Terakhir adalah pelaburan bagi peralihan kepada negara berpendapatan tinggi dan ekonomi maju yang mana akan memerlukan usaha lebih baik bagi meningkatkan pendapatan sektor awam dan menggunakan sumber lebih cekap dan bersasar," katanya.

Beliau yakin Malaysia mempunyai kemampuan dan sifat diperlukan untuk terus melonjak serta mencapai cita-cita menjadi negara berpendapatan tinggi dan ekonomi maju.

"Untuk berjaya melangkah ke tahap pembangunan seterusnya, Malaysia memerlukan tahap keberanian dan reformasi yang berpandangan ke hadapan. Ketika negara meninjau ke arah pemu-

lihan ekonomi menjangkau pandemik COVID-19, ia masa tepat untuk melaksanakan reformasi dasar dan mencapai matlamat pembangunan.

"Banyak jurang menjadi tumpuan ketika era pandemik. Model pembangunan pada masa lalu mungkin tidak lagi membantu Malaysia meneroka tahap perkembangan seterusnya," katanya.

Sementara itu, Ketua Ekonomi Kumpulan Bank Dunia, Richard Record, berkata Malaysia perlu menyediakan dasar yang memiliki standard tinggi untuk meningkatkan kemampuan pada masa depan.

"Malaysia memiliki asas kukuh dalam pelbagai aspek termasuk ekonomi, selain kemampuan memacu pertumbuhan bersandarkan keterbukaan ekonominya.

"Pencapaian ekonomi Malaysia positif sejak beberapa dekad lalu, namun pembaharuan dasar akan membantu memacu ekonomi dan memastikan ia berkembang lebih mampan," katanya.

Pengurus Negara Kumpulan Bank Dunia di Malaysia, Firas Raad, pula berkata Malaysia berada pada kedudukan terbaik untuk memulihkan ekonomi selepas terjejas dengan penularan COVID-19.